

21/01/2004

Cadangan projek monorel di Jakarta hadapi masalah

CADANGAN projek monorel Jakarta, yang akan dimajukan sebuah konsortium yang turut dianggotai syarikat Malaysia, menghadapi masalah berikutan pertikaian dengan pihak berkuasa bandar raya itu berhubung zon operasi.

Gabenor Jakarta, Sutiyoso, berkata projek yang meliputi laluan sepanjang 27 kilometer dengan sistem monorel dua laluan bernilai kira-kira AS\$540 juta (RM2.05 bilion) dan dijangka dilancarkan bulan depan itu mungkin tertangguh jika masalah itu tidak diselesaikan segera.

"Kami perlu mencari pelabur lain dari Singapura atau United Kingdom jika konsortium itu gagal mematuhi jadual yang ditetapkan," katanya ketika diminta mengulas mengenai cadangan projek itu di Jakarta itu semalam.

Projek itu adalah sebahagian program pengangkutan awam negara jiran itu bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas yang kronik di bandar raya dengan 12 juta penduduk itu.

Konsortium PT Indonesian Transit Central (ITC), yang dianggotai PT Adhi Karya, Global Prefes Synergy dan Radiant Utama, serta MTrans Holding Sdn Bhd sudah menandatangani perjanjian di Kuching, Sarawak Ogos lalu bagi memajukan projek berkenaan.

Pemeteraian perjanjian itu disaksikan Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamed dan Presiden Megawati Sukarnoputri.

MTrans Holding, dikatakan berminat memajukan hanya zon yang menguntungkan dikenali sebagai `saluran hijau', laluan 14.8 kilometer yang meliputi kawasan segi tiga emas ibu negara Indonesia iaitu Jalan Sudirman, Senayan dan Kuningan, dengan 16 stesen.

Seksyen lain projek itu membabitkan `saluran biru' yang dianggap sebagai kurang menguntungkan dengan rel sepanjang 12.2 kilometer menghubungkan Kampung Melayu di Jakarta Timur, dan Roxy di Jakarta Barat, dengan 13 stesen.

Keseluruhan projek dijangka siap dalam masa dua setengah tahun, bagi menghubungkan Bekasi di timur dan Tangerang, ke barat bandar raya itu.

Khamis lalu, pihak berkuasa bandar raya Jakarta melancarkan sistem laluan bas dari Blok M, kawasan selatan ke stesen kereta api Kota di koridor utara bandar raya, sebagai sebahagian daripada usaha bersepadu untuk memperbaiki sistem pengangkutan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Sutiyoso berkata, beliau akan membuka tawaran itu kepada pelabur lain dari Singapura atau United Kingdom yang juga menunjukkan minat, jika konsortium yang disertai syarikat Malaysia itu gagal memenuhi keperluan program pengangkutan awam bandar raya.

Sementara itu, Pengarah PT ITC, Sukmawati Sjukur, dipetik dalam akhbar The Jakarta Post sebagai berkata, konsortium berkenaan masih mengadakan rundingan dengan rakan kongsi Malaysia itu bagi menyelesaikan isu terbabit.